

03 JUL 2002

M'SIA-WAWASAN/I

M'SIA DI LANDASAN YANG TEPAT UNTUK CAPAI STATUS NEGARA MAJU

Oleh: M. Saraswathi

KUALA LUMPUR, 3 Julai (Bernama) -- Malaysia, negara yang mempunyai 23 juta penduduk dengan sektor pembuatan dan pertanian menjadi tulang belakang ekonomi, kini menuju ke arah yang tepat untuk mencapai status negara maju pada 2020.

Dan segala ini tentunya adalah hasil usaha Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang dianggap ramai sebagai seorang yang berwawasan tinggi, kata Presiden Dewan Perniagaan dan Industri Antarabangsa Malaysia (MICCI), Jose Lopez.

Beliau berkata rakyat Malaysia bernasib baik kerana mempunyai Dr Mahathir sebagai pemimpin dan dengan wawasannya, negara menuju dengan tepat untuk menjadi sebuah negara maju.

Lopez, yang berada di Malaysia sejak tiga tahun lepas sebagai pengarah urusan Nestle Malaysia, berkata beliau kagum dengan cara negara membangun seperti Malaysia muncul kembali daripada krisis kewangan 1997/98.

"Apabila saya datang ke Malaysia, krisis itu telah hampir tamat, dan apa yang saya lihat dalam tiga tahun ini ialah keyakinan yang telah kerajaan tanamkan dalam sanubari rakyat," kata beliau kepada Bernama dalam satu temu bual baru-baru ini.

Kerajaan telah membuat keputusan yang berani antaranya ialah tambatan ringgit terhadap dolar AS, yang menerima pujian ramai sebagai tindakan Dr Mahathir untuk menangani krisis kewangan dan kemelesetan ekonomi.

Negara dapat menghadapi masalah tekanan ekonomi dengan mengadakan beberapa langkah untuk memacu permintaan domestik sehingga ekonomi dunia pulih, katanya.

Beliau berkata meskipun di masa-masa sukar, Malaysia dapat memperbaiki tahap produktiviti dalam sektor perbankan dan pembuatan dan apabila ekonomi kembali pulih, Malaysia mampu mendapat keuntungan dengannya.

"Itulah sebabnya ia dapat mengunjurkan pertumbuhan sebanyak 4.5 peratus dalam KDNK (Keluaran Dalam Negara Kasar)." kata Lopez.

"Sebelum ini saya hanya bekerja di negara-negara maju. Malaysia merupakan negara membangun pertama yang saya bekerja dan saya dapat melihat laluan yang betul untuk diikuti," katanya lagi. -- BERNAMA

SM KTC NHD